



**1. PEGAWAI PERANGKAAN**  
**JABATAN PERANCANGAN, PERKEMBANGAN DAN PENYELIDIKAN**  
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**  
**B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)**  
**KEKOSONGAN=1**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Perangkaan / Matematik / Statistik atau bidang bersesuaian.
2. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
3. Mempunyai pengetahuan dalam bidang matematik, statistik, perancangan dan penyelidikan serta mahir dalam penggunaan perisian komputer seperti *Excel* dan *Access* adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PERANGKAAN :**

1. Membantu Ketua Bahagian Pengurusan Data Pendidikan dalam pengendalian perangkaan pendidikan dan membuat laporan-laporan perangkaan.
2. Bertanggungjawab selaku penyelaras dalam tugas pengumpulan, penyusunan, penganalisaan serta penyemakan data dan maklumat bagi semua sekolah, maktab dan institusi pengajian tinggi di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan, lain-lain Kementerian dan sekolah-sekolah swasta.
3. Bertindak selaku pegawai utama dalam menyediakan maklumat dan perangkaan yang dikehendaki oleh pihak-pihak berkenaan di dalam negeri.
4. Bekerjasama dalam merancang, mengawas dan menyelaras projek-projek yang berkaitan dengan perangkaan pendidikan di Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan.
5. Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan.